

18/07/1998

Agensi diarah rombak organisasi pentadbiran

MELAKA, Jumaat - Semua agensi dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar diarah menyusun semula organisasi pentadbiran serta mengurangkan kerenah birokrasi masing-masing.

Ini berikutan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan segala bentuk birokrasi, khususnya dalam meluluskan sesuatu projek pembangunan luar bandar, dipermudah dan dipercepatkan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata saranan Perdana Menteri itu pada mesyuarat Kabinet Rabu lalu, adalah sebahagian pelan tindakan ekonomi bersepadu kerajaan untuk menangani masalah ekonomi.

Katanya, Dr Mahathir menjelaskan, kelewatan meluluskan sesuatu projek pembangunan boleh menjejaskan usaha kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi negara.

"Berikutan saranan Perdana Menteri ini, saya memberi tempoh sebulan kepada setiap agensi di bawah kementerian untuk menyediakan laporan lengkap mengenai penyusunan semula organisasi itu," katanya selepas majlis Wacana Cinta Negara di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Annuar berkata, jawatankuasa khas sudah ditubuhkan dalam setiap agensi berkenaan dan semua ketua jabatan, termasuk di peringkat Pusat dan kerajaan negeri dinasihatkan tidak menerima pakai sistem pentadbiran lama.

"Oleh kerana kegawatan sekarang adalah luar biasa, maka langkah mengatasinya juga adalah luar biasa," katanya.

Menurut Annuar, agensi kementerian itu juga boleh menubuhkan sistem pemprosesan berpusat bagi mempercepatkan lagi proses sesuatu permohonan.

Katanya, beliau sudah meminta beberapa agensi lain seperti Risda, mengemukakan laporan mengenai tempoh permohonan untuk tanaman semula diambil.

(END)